

TARIKH : 25 JULAI 2022  
AKHBAR : BERITA HARIAN  
MUKA SURAT : 4

## Pasukan khas jihad relevan atasi inflasi

# Pasukan khas jihad relevan atasi inflasi

**Kota Bharu:** Pasukan Khas Jihad Tangani Inflasi yang ditubuhkan Jun lalu relevan dalam menangani kadar inflasi, kata Pengerusinya, Tan Sri Annuar Musa.

Beliau berkata, Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) baru-baru ini mengeluarkan data dan menyatakan kadar inflasi dalam negara bagi Jun 2022 meningkat 3.4 peratus.

Katanya, ada sesetengah pihak kurang faham sedangkan data ukuran kadar inflasi itu dikeluarkan sebelum jawatankuasa jihad diwujudkan dan tidak ada kena-mengena dengan soal keberkesanan jawatankuasa ini.

"Kita menerimanya sebagai satu petunjuk menyatakan adalah sangat relevan Pasukan Khas Jihad Tangani Inflasi ditubuhkan dan tugas kita sekarang mengawal kenaikan supaya harga barangan tidak naik secara tidak terkawal seperti berlaku di sesetengah negara, umpamanya Turkiye yang kadar inflasinya antara 70 hingga 80 peratus.

"Pada masa sama, ada negara yang kadar inflasinya sehingga 14 hingga 15 peratus dan jawatankuasa jihad harus mengawal kadar inflasi dalam negara supaya kekal pada tahap sekarang dan usaha berterusan dilakukan," katanya pada sidang media selepas melawat Program Lelongan Jualan Keluarga Malaysia sempena Jelajah Aspirasi Keluarga Malaysia (AKM) di pekarangan Stadium Sultan Muhammad IV, di sini, semalam.

Annuar memberi jaminan ada beberapa lagi tindakan

lebih drastik bagi menangani inflasi akan diumumkan mengikut masa kerana perkara berkenaan memerlukan penelitian.

### Buat sesi libat urus

"Saya perlu membuat sesi libat urus dengan pihak berkaitan terlebih dulu disebabkan kita perlu melihat sistem sedang diamalkan.

"Pada mesyuarat jawatankuasa jihad diadakan dua hari lalu, sudah bersetuju mengadakan satu unit memantau pengeluaran barangan.

"Dalam hal ini, kami mengadakan perbincangan menggunakan rangkaian koperasi bagi pengeluaran ataupun pembungkusan produk yang sebelum ini dikawal seperti gula misalnya.

"Jika sebelum ini hanya ada satu atau dua syarikat dibenar membungkus pengedaran runcit, namun sekarang koperasi

juga dapat membungkus dan mengedarkan barang kawalan," katanya.

Annuar berkata, dalam kos kenaikan harga barang, ramai yang melakukan demonstrasi, namun tindakan itu sebenarnya tidak boleh merendahkan harga barang.

"Tindakan mereka itu memperlekehkan usaha jawatankuasa jihad yang membuat libat urus dengan pelbagai pihak, termasuk berunding dengan bagaimana cara kita hendak menguruskannya.

"Rakyat harus berbangga kerana kita kekal sebagai negara secara relatif rendah inflasi," katanya.



Annuar Musa